

MERUNGKAI KECELARUAN IDENTITI GENDER: ANTARA KEBEBASAN HAK ASASI INDIVIDU DAN DILEMA KEPIMPINAN GENERASI MUDA

UNRAVELLING GENDER IDENTITY CONFUSION: BETWEEN INDIVIDUAL FREEDOM AND THE DILEMMA OF YOUNG GENERATION LEADERSHIP

Irma Wani Othman¹
Mohd Kamal Mohd Shah²
Muhammad Safuan Yusoff³
Anna Lynn Abu Bakar⁴
Nurul Ain Zulhaimi⁵
Abang Mohd Razif Abang Muis⁶
Nurulasyikin Muda⁷

¹Centre for the Promotion of Knowledge and Language Learning, Universiti Malaysia Sabah (UMS), Malaysia, (E-mail: irma@ums.edu.my)

²Faculty of Engineering, Universiti Malaysia Sabah (UMS), Malaysia, (E-mail: mkamalms@ums.edu.my)

³Labuan Faculty of International Finance, Universiti Malaysia Sabah (UMS), Malaysia, (E-mail: safuan-y@yahoo.com)

⁴Centre for the Promotion of Knowledge and Language Learning, Universiti Malaysia Sabah (UMS), Malaysia, (E-mail: annalynn@ums.edu.my)

⁵Centre for the Promotion of Knowledge and Language Learning, Universiti Malaysia Sabah (UMS), Malaysia, (E-mail: ain@ums.edu.my)

⁶Centre for the Promotion of Knowledge and Language Learning, Universiti Malaysia Sabah (UMS), Malaysia, (E-mail: amrazif@ums.edu.my)

⁷Centre for the Promotion of Knowledge and Language Learning, Universiti Malaysia Sabah (UMS), Malaysia, (E-mail: syikin@ums.edu.my)

* Corresponding Author

Article history

Received date : 25-3-2021
Revised date : 21-4-2021
Accepted date : 16-5-2021
Published date : 30-6-2021

To cite this document:

Othman, I. W., Shah, M. K. M., Yusoff, M. S., Bakar, A. L. A., Zulhaimi, N. A., Muis, A. M. R. A., & Muda, N. (2021). Merungkai Kecelaruhan Identiti Gender: Antara Kebebasan Hak Asasi Individu Dan Dilema Kepimpinan Generasi Muda. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)*, 6(38), 60-81.

Abstrak: Makalah ini menerokai isu kecelaruhan identiti gender (*Gender Identity Disorder*) atau *Gender Dysphoria* dalam kalangan generasi muda yang merujuk kepada golongan LGBT (*Lesbian, Gay, Biseksual dan Transgender*). Konteks perbincangan memfokuskan isu antara kebebasan hak asasi individu LGBT dan dilema generasi muda - tanggung kepimpinan bangsa negara kita. Dalam merungkai keresahan umum maka tujahan perspektif perbincangan ini menggarap objektif serampang dua mata iaitu (1) mengenalpasti faktor penyumbang kecelaruhan identiti gender individu yang mengamalkan gaya hidup LGBT, dan

(2) menilai kebebasan hak asasi individu berhubung pelaksanaan penguatkuasaan undang-undang berkaitan dengan isu LGBT. Pendekatan kualitatif mengutilasi kaedah analisis kandungan data sekunder iaitu hasil perolehan penelitian jurnal, laporan, buku dan sumber berita dalam talian. Perdebatan tertumpu ke atas seleksi lima isu kontemporari iaitu (i) Konflik Diri & Kecenderungan Orientasi Seksual Berbanding Jantina Biologi, (ii) Kepincangan Sistem Sokongan Keluarga & Penglibatan Pihak Signifikan, (iii) Lingkungan Pengaruh Pergaulan Rakan Sebaya Sejenis, (iv) Disorientasi Pengalaman Hidup & Kesejahteraan Kesehatan Mental dan Fizikal, dan (v) Kurang Penghayatan Agama & Pemesongan Pegangan Hidup. Cerapan perbincangan disulami dengan relevansi Akta Kesalahan Jenayah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1997, Perlembagaan Persekutuan, Akta 355 Akta Mahkamah Syariah (Bidang Kuasa Jenayah) 1965, Kanun Keseksan (Akta 574), Akta Hiburan (Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur) dan Akta Komunikasi & Multimedia 1988 (Akta 588) turut dikaitkan dengan isu perundangan kesalahan pelaku LGBT. Intihanya penafian golongan LGBT dalam komuniti masyarakat dilaksanakan melalui pengubalan undang-undang demi menyekat perlakuan bertentangan dengan ajaran agama terutama demi menjaga imej Malaysia yang mendukung Islam sebagai agama rasmi.

Kata Kunci: Kebebasan Hak Asasi, Kepimpinan, Generasi Muda, Kecelaruhan Identiti Gender, LGBT

Abstract: This paper explores the issue of Gender Identity Disorder or Gender Dysphoria among the younger generation which refers to the LGBT (Lesbian, Gay, Bisexual and Transgender) group. The context of the discussion focused on the issue between the human rights freedoms of LGBT individuals and the dilemma of the younger generation – the pillars of our nation’s leadership. In resolving public concerns, the thrust of this discussion perspective works on the two-pronged objective of (1) identifying the contributing factors of gender identity disorder of individuals who practice LGBT lifestyles, and (2) assessing individual human rights freedoms in relation to law enforcement related to LGBT issues. Qualitative approach utilises secondary data content analysis methods, namely the results of research journals, reports, books and online new sources. The debate focused on a selection of five contemporary issues namely (i) Self Conflict and Sexual Orientation Tendencies Versus Biological Gender, (ii) Family Support System Disadvantages and Significant Party Involvement, (iii) Peer Influence Environment, (iv) Life Experience Disorientation and Psychological Health Well-Being and (v) Lack of Religious Appreciation and Distortion of Lifestyle. Observations of the discussion are embroidered with the relevance of the Syariah Criminal Offenses (Federal Constitution, Act 355, the Syariah Courts (Criminal Jurisdiction) Act 1964, the Penal Code (Act 574), the Entertainment Act (Federal Territories of Kuala Lumpur) and the Communications Act & Multimedia 1988 (Act 588) is also linked to the legal issue of LGBT offenses. In fact, the denial of the LGBT community in the community is implemented through the enactment of laws in order to curb behaviour contrary to religious teachings, especially in order to maintain the image of Malaysia which supports Islam as the official religion.

Keywords: Human Rights Freedom, Leadership, Young Generation, Gender Identity Confusion, LGBT

Mukadimah

Inisialisme LGBT merupakan varian umum yang digunakan semenjak 1990-an, berfungsi sebagai istilah payung seksualiti dan identiti iaitu merujuk ‘*lesbian*’ (wanita homoseksual), ‘*gay*’ (lelaki homoseksual), ‘*bisexual*’ (ketertarikan seksual lebih dari satu gender) dan ‘*transsexual*’ (konflik identiti gender sama ada heteroseksual, homoseksual, biseksual dan aseksual) (Su-Hie, Audrea & Collin, 2021). Fenomena LGBT ditakrifkan sebagai suatu amalan penyimpangan seks alaf zaman kemodenan yang meresahkan dunia terutama apabila generasi muda terjebak secara berleluasa akibat akses mudah aplikasi pornografi yang berada di hujung jari. Pembendungan dari penularan gejala seksual luar tabie dari penguatkuasaan perundangan masih diragui apabila kelantangan perjuangan golongan LGBT menggunakan hak kebebasan kehidupan bermasyarakat di atas platform Hak Asasi Manusia (Mohamad Afandi Md Ismail & Mohd Sabree, 2019). Kesukaran membendung isu LGBT impak dari kelangsungan pengiktirafan negara luar di mana masyarakat dunia menganggap tindakan berkenaan sebagai suatu bentuk diskriminasi hak manusia sejagat dan tidak wajar dihukum dari konteks kenegaraan. Negara seperti Amerika Syarikat, Britain, Taiwan dan Australia menyelar penafian hak golongan LGBT, malahan membuktikan sokongan mereka dengan meluluskan peruntukan perundangan pengiktirafan hak LGBT sebagai membantah apa yang mereka anggap ketidakdilan sosial (Azman, NorFatimah Amlin, Mohammad Anwar & Mursyid Junaidi, 2019).

Kehadiran ketara golongan LGBT di Malaysia sekitar 1980an mendapat kecaman terutama dari masyarakat Islam yang tercabar dengan komuniti berkenaan apabila tanpa segan silu mempamerkan pada umum jalan kehidupan jauh terpesong dengan menukar fitrah diri asal, menyimpang dari tuntutan agama dan melanggar peruntukan perundangan negara (Mohamad Afandi, Mohd Sabree, Muhamad Hasif, Ikmal Hafiz, Muhammad Najib, 2020). Rentetan dari itu pada 13 Disember 1989, secara tegasnya Persidangan Majlis Raja-Raja mengeluarkan fatwa mengesahkan perlakuan LGBT sebagai suatu perbuatan haram bagi orang-orang Islam yang bersabit hukuman kesalahan seperti mana yang terkandung dalam Akta 574 Kanun Keseksaan (Fadzilah Binti & Noremy, 2019). Ini membawa kepada penguatkuasaan peraturan ketat memberikan elemen pengukuhan “*safe guard policy*” yang tidak membenarkan permohonan pertukaran jantina pada kad pengenalan seperti sebelumnya. Berdasarkan statistik, perlakuan pelanggaran tabii Islam dengan gaya hidup LGBT berleluasa menjadi masalah moral kompleks apabila salah laku jenayah syariah hasil pembenterasan Pegawai Penguatkuasa Agama di seluruh Malaysia mencanak naik saban tahun. Bermula dari tiada rekod jenayah liwat pada tahun 2011, seramai 173,000 orang pada tahun 2017 dan 310,000 orang pada tahun 2018 telah dicatatkan oleh JAKIM sebagai pelaku musahaqah (Astro Awani, 2018). Lebih membimbangkan apabila perbandingan 30 tahun dahulu mendapati bilangan LGBT seramai 1988 orang di mana transgender berada dalam lingkungan seramai 10,000 di seluruh Malaysia (Muhammad Adam, Nur Syuhada & Khadher, 2020). Pembendungan LGBT pulang ke pangkal jalan pula terlalu kecil iaitu seamai 1,450 orang remaja yang diselamatkan melalui Program JAKKM “Mukhayyam” (Berita Harian, 2018). Sementara itu rekod lampau menunjukkan statistik golongan lelaki memperlihatkan sifat wanita atau lebih dikenali dengan nama pondan, mak nyah, bapok, darai atau dengan nama saintifik ‘*male efiminet*’ adalah 131 kali pada tahun 2011, 199 kali pada tahun 2012, sempat menurut ketika tahun 2013 dengan sebanyak 97 kali dan kembali meningkat pada tahun 2014 dengan sebanyak 123 kali bagi statistik untuk golongan lelaki yang cenderung menyifatkan diri seperti seorang wanita (Mahfudzah, 2015).

Kekecewaan masyarakat Malaysia semakin menebal apabila golongan LGBT bertindak memberontak kepada peraturan yang mengharamkan hubungan seks luar tabii (Mahfudzah, 2015). Penafian pelakuan LGBT yang dianggap sebagai jenayah, menyaksikan mereka menuntut masyarakat dunia campur tangan di atas nama Hak Asasi Manusia berhubung pengiktifan hubungan seks sejenis, perkahwinan sejenis dan pengambilan anak angkat. Malaysia dilabelkan sebagai sebuah negara yang tidak akur memberi pengiktirafan ke atas kesamarataan hak dan kesaksamaan nilai hidup masyarakat LGBT. Intipati tuntutan COMANGO iaitu sebuah badan pertubuhan bukan kerajaan (NGO) mendesak Malaysia sebagai sebuah negara demokrasi berperlembagaan akur dengan syor Semakan Berkala Sejagat atau Tinjauan Periodik Universal yang dianjurkan oleh Majlis Hak Asasi Manusia Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) di Gineva Switzerland. Resolusi tuntutan COMANGO berhubung hak pencerobohan dan penganiayaan komuniti LGBT Malaysia antaranya memaksa Malaysia mengangkat penafian ke atas hak SOGI (*Sexual Orientation & Gender Identity*). Unjuran tersebut membawa kepada syor pemindahan Seksyen 377A Kanun Keseksaan yang mensabitkan hukuman jenayah liwat, selain dari melakukan pemansuhan segera ke atas Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah yang melibatkan penganut ugama Islam. Pematuhan berkenaan berikutan perbaikan situasi hak manusia di semua negara dengan dampak positif signifikan masyarakat dunia.

Kontekstual Perbincangan

Pada 25 Januari 2021 Ketua Hakim Negara Mahkamah Persekutuan telah memutuskan bahawa peruntukan undang-undang Syariah bagi negeri Selangor yang menetapkan perlakuan seks luar tabii sebagai jenayah tidak mempunyai kesahan perundangan serta tidak konsisten dengan Perlembagaan Persekutuan (Berita Harian, 2021). Ini merujuk dalam penghakiman yang dilaksanakan oleh Tun Tengku Maimun Tuan Mat sebagai pengerusi panel sembilan hakim menegaskan hanya bidang kuasa Parlimen sahaja yang berhak menggubal undang-undang bagi menjadikan seks luar tabii sebagai suatu jenayah. Peruntukan Seksyen 28 Enakmen 28 Kesalahan-kesalahan Jenayah Syariah (Selangor) 1995 membenarkan hukuman bagi seks luar tabii didapati tidak konsisten dan bercanggah dengan Item 1 Senarai Negeri, Perlembagaan Persekutuan yang menetapkan bahawa badan perundangan negeri tidak mempunyai kuasa membuat undang-undang mengenai perkara yang termasuk dalam Senarai Persekutuan (Astro Awani, 2018). Namun begitu, keputusan Mahkamah Persekutuan berkaitan dengan Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) tidak boleh dilihat sebagai pengiktirafan terhadap golongan LGBT. Lonjakan kes golongan LGBT terutama dalam gejala tidak bermoral seperti pelacuran, budaya songsang, vandalisme dan perzinaan bukan sahaja melibatkan isu orang Islam malahan mana-mana masyarakat beragama di Malaysia (Mahfudzah, 2015).

Natijah dalam merungkai keresahan umum mengambil tujuh perspektif yang menggarap objektif serampang dua mata iaitu (1) mengenalpasti faktor penyumbang kecelaruan identiti gender individu yang mengamalkan gaya hidup LGBT, dan (2) menilai kebebasan hak asasi individu berhubung pelaksanaan penguatkuasaan undang-undang berkaitan dengan isu LGBT. Pendekatan kualitatif mengutilasi kaedah analisis kandungan data sekunder iaitu hasil perolehan penelitian jurnal, laporan, buku dan sumber berita dalam talian. Perdebatan tertumpu ke atas seleksi enam isu kontemporari iaitu (i) Konflik Diri & Kecenderungan Orientasi Seksual Berbanding Jantina Biologi, (ii) Kepincangan Sistem Sokongan Keluarga & Penglibatan Pihak Signifikan, (iii) Lingkungan Pengaruh Pergaulan Rakan Sebaya Sejenis,

(iv) Disorientasi Pengalaman Hidup & Kesejahteraan Kesehatan Mental dan Fizikal (v) Kurang Penghayatan Agama & Pemesongan Pegangan Hidup. Cerapan perbincangan disulami dengan relevansi Akta Kesalahan Jenayah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1997, Perlembagaan Persekutuan, Akta 355 Akta Mahkamah Syariah (Bidang Kuasa Jenayah) 1965, Kanun Keseksaan (Akta 574), Akta Hiburan (Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur) dan Akta Komunikasi & Multimedia 1988 (Akta 588) turut dikaitkan dengan isu perundangan kesalahan pelaku LGBT.

i) Konflik Kekeliruan Identiti Diri dan Kecenderungan Orientasi Seksual Berbanding Jantina Biologi

Kecelaruhan Identiti

Takrifan Kecelaruhan Identiti Gender atau *Gender Identity Disorders* (GID) merujuk ketidakelesaian berterusan individu berhubung jantina biologi dan kemahuan untuk menukar rupa bentuk fizikal diri bertentangan dengan fitrah asal kelahiran lantas membawa kepada impak amalan hidup songsang (Vock, Stahn, Loenser, & Legenbauer, 2009). Berdasarkan pendapat Dr. Sharifah Zubaidiah Syed Jaapar, Pensyarah dan Pakar Psikiatri dari Pusat Pengajian Sains Perubatan (PPSP) berhubung isu kecelaruhan gender yang menyumbang kepada konflik kekeliruan identiti diri, GID adalah kecelaruhan gender akibat perasaan tidak selesa pada anatomi seksual diri sendiri. Impak dari konflik berkenaan meletakkan keinginan mendesak golongan LGBT tegar menjalani kehidupan secara bertentangan dari jantina asal dan menghapuskan kriteria primer atau sekunder jantina mereka. Akhirnya dilema tersebut menyumbang kepada penafian penerimaan jantina asal diri di mana dengan ketiadaan alternatif selain dari hidup dengan mengekalkan alat kelamin semenjak dilahirkan.

Antara lain yang menjadi perhatian adalah klasifikasi kecelaruhan identiti sebagai sejenis penyakit mental. Istilah Kecelaruhan Identiti Gender atau *Gender Identity Disorders* (GID) mendapat saranan untuk ditukarkan dalam kandungan *Diagnostic and Statistical Manual of Mental Disorder* kepada istilah baru iaitu Disforia Gender atau *Gender Dysphoria* bagi mengelakkan stigma perkataan “kecelaruhan” yang membayangkan negativiti individu (Mohd Izzat Amsyar, Muhammad Syahlan, Hisham & Fareed, 2018). Justeru itu pemakaian diagnosis oleh doktor dan pakar perubatan terhadap istilah Disforia Gender telah diimplementasikan bagi merujuk konflik diri individu yang menghadapi simpton berikut. Malahan senarai klasifikasi antarabangsa berkaitan statistik penyakit dan masalah kesihatan (*International Statistical Classification of Diseases and Related Health Problems, ICD-10 CM*) bagi penyakit *Gender Identity Disorders* (GID) sebagai gangguan mental (Noremy, Fadzilah & Mohammad Rahim, 2019).

Ini membawa kepada pertembungan konflik identiti diri dengan manifestasi jantina yang berkecenderungan untuk menyerlahkan cara keterampilan diri yang bertentangan dengan fitrah semula jadi. Terdapat juga insiden mengaitkan keterpinggiran tidak yakin diri (*self-insecurity*) yang membawa kepada penyembunyian ciri-ciri jantina asal dari pengetahuan umum (Mohamad Afandi *et al.*, 2020). Golongan masyarakat yang paling terkesan adalah datangnya dari kategori remaja yang masih lagi keliru dengan identiti diri, di tambah lagi persepsi dan stigma masyarakat berhubung budaya songsang komuniti LGBT. Statistik membuktikan kenaikan pengambilan pelbagai pil hormon atau melakukan pembedahan kosmetik bagi mengubah rupa diri secara fizikal bertukar menjadi feminin (yang digelar “Mak

Nyah”) atau maskulin (yang digelar “Pengkid”) bersesuaian yang bertentangan dengan jantina asal. Menurut Vock, Stahn, Loenser & Legenbauer (2009) cara untuk mengatasi *self-insecurity* ke atas kecelaruan identiti diri maka pelepasan rasa tidak puas hati di atas anugerah semula jadi diri, lantas golongan LGBT difokuskan kepada bahagian fizikal yang bukan seksual seperti pembedahan ke atas muka, hidung, kening, buah dada, bahu, tangan dan kaki. Namun begitu, penonjolan diri selebriti mahupun ‘*instafamous*’ menggunakan media sosial kini menular menjadi trend yang membimbangkan disebabkan bilangan pengikut yang semakin berkembang berupaya memangkinkan aktiviti LGBT negara ini.

Orientasi Seksual

Orientasi seksual digambarkan sebagai wujud perasaan dalam diri yang mendorong individu melakukan hubungan seksual dengan individu lain berdasarkan kecenderungan naluri, sama ada berdasarkan gender yang serupa dengan diri mahupun bertentangan dengan fitrah kejadiannya. Menurut laporan *American Psychological Association*, 2008 yang menjelaskan orientasi seksualiti individu tidak semestinya dipaparkan melalui tingkah laku malahan majoriti mengambil pilihan untuk tidak memperlihatkan keinginan tersebut ke dalam bentuk peri laku disebabkan pelbagai alasan seperti prinsip hidup dan persekitaran yang menyukarkan keterbukaan tersebut (Neh Mah, Farawahida, Siti Norlina, Ahmad Muhyuddin & Zulkiflee, 2016). Dengan menyimpan orientasi seksualiti dalam benak fikiran tanpa berpeluang untuk melampiaskan keinginan maka kebarangkalian tekanan perasaan semakin memuncak mengakibatkan masalah penyakit mental. Antara orientasi seksual yang kerap menarik perhatian adalah ‘heteroseksual’ (kecenderungan mempunyai daya tarikan individu berbeza alat kelamin), ‘homoseksual’ (kecenderungan tertarik pada individu mempunyai alat kelamin yang sama) dan ‘biseksual’ (kecenderungan daya pikat seksual terhadap kedua-dua jantina) (Su-Hie, Audre & Collin, 2021).

Orientasi seksual merupakan salah satu penyumbang utama faktor psikologi mempengaruhi penglibatan remaja ke dalam budaya tidak bermoral LGBT. Pendedahan terhadap orientasi seks luar tabii sedari kecil menjejaskan kerasionalan generasi muda dengan merasakan amalan negatif berkenaan merupakan gaya kehidupan yang normal. Tanpa pengawasan dari ibu bapa yang rapi serta sistem persekitaran yang terjaga maka kebarangkalian untuk terdedah kepada pengetahuan seks luar tabii adalah tinggi dan membimbangkan. Keterujaan untuk berada dalam trend yang sama seperti rakan sebaya yang lain membawa keterlibatan pembentukan diri yang tidak dibentuk terutama apabila remaja melalui fasa akil baligh di mana penerokaan seksualiti diri berada pada tahap yang kritikal (Santrock, 2006). Eksplorasi yang tidak terbimbing berupaya meletakkan kedudukan remaja menemukan sesuatu pengetahuan baru dan ingin mencuba tanpa memikirkan implikasi pada diri dan kehidupan. Bimbingan ibu bapa yang mantap tanpa alpa ketika anak-anak berusia 7 – 15 tahun serta terlibat dalam pencerahan berhubung perubahan rohani dan jasmani anak-anak mereka dapat membantu mencegah kecelaruan identiti dari membelenggu diri anak-anak mereka.

Dalam masa yang sama, orientasi seksualiti remaja turut dikaitkan dengan persekitaran pembesaran anak-anak sama ada kondusif sebagai institusi keluarga yang melalui amalan kebiasaan ataupun proses pembesaran yang dilalui menempuh pengalaman yang dirosakkan oleh latar belakang yang dicemari oleh gejala tidak sihat. Dari perspektif tersebut kanak-kanak yang dibesarkan melalui perkahwinan pasangan sejenis mahupun ibu bapa yang terjerumus dalam kegiatan tidak bermoral LGBT pastinya mencorak cara pemikiran yang

berbeza terhadap orientasi seksual normal. Contohnya anak lelaki yang dibesarkan oleh pasangan lesbian akan terbentuk untuk menganggap dirinya perempuan walaupun secara biologi dia merupakan seorang lelaki. Kesannya, anak tersebut secara beransur-ansur mengasimilasikan diri dengan persepsi sendiri mengikut cara asuhan. Perasaan homoseksual dalam dirinya akibat pembentukan orientasi seksual yang berbeza daripada jantina biologi yang didorong oleh persekitaran cara dibesarkan (Neh Mah Batri *et al.*, 2016). Malangnya impak negatif ini bukan sahaja menghantui kehidupan seksualiti mereka malahan menjejaskan aura kepimpinan yang ada pada diri sebagai seorang pemimpin lelaki. Asuhan yang mengelirukan memberi kesan buruk kepada pembesaran diri sebagai individu, pemimpin bagi masyarakat dan pelapis barisan masa hadapan negara.

ii) Kepincangan Sistem Sokongan Keluarga dan Masyarakat

Sistem Sokongan Keluarga Prihatin

Institusi kekeluargaan ialah organisasi utama dalam keluarga yang mempunyai hubungan anggota berasaskan keturunan ataupun perkahwinan (Badrulzaman, 2006). Dalam konteks berkenaan ibu bapa merupakan sumber pengaruh dominan yang diterima oleh seorang anak di mana bapa berfungsi dari dar aspek instrumental (mencari rezeki, memberi perlindungan dan mencorak tadbir keluarga), sementara ibu pula berfungsi dari segi ekspresif (berkongsi emosi, kasih sayang dan menjadi sistem sokongan) (Amran, Fatimah & Khadijah, 2013). Kepincangan sistem sokongan keluarga berpunca dari konflik mampu menyumbang kepada gejala LGBT. Pengabaian ibu bapa hasil dari perceraian ataupun perlakuan tabiat buruk dalam persekitaran rumah tangga mewujudkan ketidakstabilan emosi. Perlakuan devian dan delinkuen yang melibatkan tekanan perasaan pada awal usia memangkin masalah kecelaruan identiti dalam kalangan anak dari keluarga bermasalah yang membawa kepada gejala LGBT (Amran & Suriati, 2013).

Gaya kehidupan modenisasi menjarakkan keakraban ibu bapa yang mempunyai kerjaya dalam proses membesarkan anak-anak mereka. Tanggungjawab ibu bapa diambilalih oleh pengasuh sedari usia kecil, manakala apabila melepasi umur belasan tahun anak-anak dihantar ke asrama bagi mendapatkan pendidikan tanpa dibimbing sepenuhnya oleh ibu bapa. Fasa pembesaran dari zaman kanak-kanak hingga fasa remaja dilewati dengan pengabaian berterusan dari ibu bapa yang sepatutnya menjadi penaung kepada segala kemusykilan anak-anak berhubung kefahaman seksualiti mereka. Kealpaan perhatian ibu bapa di atas kesibukan kerja telah mewujudkan ruang kebebasan akibat kurangnya pemantauan lantas mengundang remaja terjebak dalam gejala tidak sihat, antaranya seperti budaya songsang golongan LGBT. Remaja yang dipinggirkan bersifat tidak stabil emosi, mudah untuk memberontak dan mengalami kemurungan, mencari keseronokan di luar rumah tanpa batasan (Fadzilah & Noremy, 2019). Signifikansi kasih sayang dan perhatian mencukupi dari ibu bapa merupakan elemen penting bagi golongan remaja yang naif tentang kehidupan dan menjadi medium utama untuk meluahkan hati dan rintihan perasaan dalam meniti usia paling rapuh (Ahmad, Haikal Anuar, Abd Satar, Wan Shahrzad, Wan Azreena, Zainal Abidin & Wan Mohd Zan, 2015).

Seperkara lain yang meruntun dilema masyarakat berhubung isu keibubapaan LGBT yang menjadi faktor penyumbang kepada kecenderungan remaja cenderung untuk mengikut jejak langkah orang tua yang mendidik mereka sedari kecil. Suasana pembesaran zaman kanak-

kanak dalam sebuah sistem kekeluargaan yang abnormal memberi impak psikologi mendalam ke atas kehidupan individu, terutama apabila berhadapan dengan realiti dunia luar. Ibu bapa yang dianggap sebagai '*role model*' sepanjang berada di bawah jagaan mereka pada hakikatnya tidak dapat memberikan contoh sistem kekeluargaan yang sebenar. Golongan LGBT di Malaysia tidak mendapat pengiktirafan dan keistimewaan seperti Australia, Amerika Syarikat dan Taiwan (Azman *et al.*, 2019). Pengambilan anak angkat di luar negara dibenarkan bagi pasangan LGBT atas dasar mereka diiktiraf sebagai pasangan suami isteri dan mempunyai hubungan yang sah di sisi undang-undang. Sebagai rujukan kekeliruan identiti dalam kalangan anak-anak di mana Children's Act 38 of 2005 negara Afrika Selatan yang membenarkan proses pengambilan anak angkat dilakukan bagi golongan LGBT telah mencetuskan beberapa kontroversi di mana timbul penafiaan hak ke atas anak-anak untuk bersifat normal dan menjalani kehidupan mengikut fitrah semula jadi masing-masing (Donnelly Lynley, 2008).

Sistem Sokongan Padu Masyarakat

Masih lagi membicarakan isu yang sama, kepincangan sistem sokongan dari masyarakat turut diperdebatkan sebagai penyumbang kepada peningkatan gejala LGBT. Secara dasarnya masyarakat memainkan peranan yang penting melandaikan amalan budaya songsang dari menyerap masuk dan menggugat keamanan dan kedaulatan negara. Bagi membendung penularan aktiviti yang meruntuhkan akhlak generasi muda secara khususnya dan merosakkan institusi kemasyarakatan secara amnya, langkah pencegahan secara bersepadu harus diterapkan sentiasa. Pendekatan lebih baik mencegah dari merawat patut disematkan di dalam minda dan hati setiap rakyat agar pelibatan segenap lapisan masyarakat tidak terkecuali dari membersihkan amalan seks luar tabii untuk tidak berakar umbi serta menjadi norma kehidupan gaya baru seperti yang sudah dilihat terjadi di negara-negara Barat. Ikhtibar dari keruntuhan moral masyarakat negara Barat yang sudah tidak mengerti batasan kesusilaan peradaban manusia menjadikan elemen ketamadunan tidak lagi mengiktirafkan pemeliharaan tata susila dan jati diri manusia sejagat. Malahan peruntukan perundangan negara ini dirasakan tidak cukup tegas, harus diperketat dan diperkemas bagi menutup kemungkinan ruang yang ada bagi golongan LGBT menyebarkan aktiviti-aktiviti tidak bermoral melalui medium rasmi mahupun tidak rasmi untuk mengelabui mata umum.

Pengaruh *Influencer* dan *Instafamous* LGBT

Zaman berubah menyaksikan golongan LGBT tanpa segan silu diiktiraf sebagai *influencer* dan *instafamous* yang mendapat sokongan dari masyarakat media sosial. Perspektif tersebut menjadikan pengiktirafan golongan LGBT meresap masuk menggunakan strategi peperangan minda yang menjajah anak bangsa tanpa kita disedari. Trend menggunakan media sosial sebagai medium penyampaian ilmu atau e-dagang memungkinkan penglibatan golongan LGBT bagi menyebarkan maklumat tanpa sempadan dengan mendedahkan orientasi seksual kepada umum. Lelaki yang mengubah penampilan menjadi wanita cantik atau Mak Nyah tersasar jauh dari ciri kepimpinan 'pemuda harapan bangsa, pemuda tiang negara' yang sekian lama disemat di hati kita. Transgender Ahmad Mukhriz atau lebih dikenali dengan panggilan Riz Ulala digelar pondan tercantik di Malaysia meraih pujian dan kekaguman di atas kecantikan yang mengatasi wanita sejati (Sabahpost, 2019). Penasaran dilema identiti gender pada zaman ini dilampiaskan melalui media sosial di mana lebih meresahkan apabila penampilan mereka mendapat pujian masyarakat terutama golongan remaja sehingga diangkat menjadi idola.

Dalam erti kata lain, masyarakat harus memandang serius penggunaan media sosial yang memberikan risiko tinggi ke atas penularan aktiviti tidak bermoral sama ada berbentuk promosi peribadi mahupun perniagaan. Kerapuhan golongan remaja yang mudah terpengaruh dengan *content* media sosial terutama media sosial seperti “Instagram” dan “Tiktok” yang dipandang hanya sebagai bentuk hiburan, pada hakikatnya memberi impak besar kepada kesejahteraan diri remaja. Penguatkuasaan Akta Komunikasi dan Multimedia 1988 (Akta 588) dianggap langkah wajar bagi mengekang penularan segala bentuk penyebaran dan ideologi melalui alatan teknologi kini iaitu peralatan komunikasi elektronik dari mengundang kepada impak yang buruk kepada masyarakat (Mstar, 2012). Akta 588 ini diperkenalkan bagi menyekat golongan LGBT menyalahgunakan peralatan komunikasi elektronik untuk melakukan promosi perlakuan LGBT. Sementara itu Seksyen 233(2)(a) ini pula merupakan peruntukan hukuman yang dikenakan kepada individu secara sedar melanggan perkhidmatan aplikasi berkaitan komunikasi lucah. Tindakan kerajaan negeri Kelantan yang melaksanakan hukuman secara tegas berdasarkan Seksyen 7 Enakmen Kanun Jenayah Syariah (Negeri Kelantan) 1985) patut dicontohi (Mohd Sabree, 2018). Lelaki berpakaian wanita atau berlagak seumpama wanita di mana-mana tempat awam atas tujuan tidak bermoral disabitkan didenda tidak melebihi satu ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya.

Etika dan Pengaruh Kurang Wajar Usahawan LGBT

Walaupun kecelaruan identiti difahami sebagai seseorang yang keliru atau tidak dapat menerima fitrahnya lantas membawa mereka terpesong daripada jantina asalnya, alasan tidak selesa dan berasa keliru dengan diri sendiri tidak boleh dimanupulasi oleh usahawan LGBT untuk menghalalkan cara kehidupan mereka. Tidak dinafikan isu transeksualiti dan transgender berhubung rapat dengan faktor psikologikal. Transeksualiti lelaki berperwatakan lembut Muhammad Sajjad Kamaruzzaman atau Sajat turut dikenali sebagai usahawan LGBT yang menjalani kehidupan mewah hasil dari perniagaan kosmetik (Metro, 2020a). Menjadi kontroversi dengan perlakuan kurang wajar yang dibimbangi memberikan pengaruh negatif kepada generasi muda. Usahawan LGBT juga dikecam kerana terlalu berani memaparkan kisah hidup yang bertentangan dari fitrah asal serta menyalahi hukum agama. Rentetan dari itu, tanggungjawab vital yang digalas oleh setiap anggota masyarakat adalah bertekad menghulurkan bimbingan kepada golongan LGBT seperti memanfaatkan pendakwah, selebriti dan ikon masyarakat yang berpengaruh juga menggunakan media sosial yang sama menyampaikan teguran, dakwah dan keprihatinan.

Dari lensa perundangan pula, penguatkuasaan Akta Hasutan 1948 adalah undang-undang negara yang digubal bagi menyekat informasi yang berbaur fitnah, kontroversi dan menghasut (Sinar Harian, 2019). Beberapa penangkapan yang menimbulkan kontroversi melibatkan sama ada usahawan, *influencer* ataupun selebriti dari kalangan LGBT atas kesalahan di tahan berkelakuan bertentangan dengan fitrah semulajadi serta berniat untuk mempengaruhi umum dengan pernyataan fitnah dengan niat sengaja menghasut dan memperdayakan umum dengan keterampilan gaya kehidupan golongan LGBT yang diuar-uarkan sebagai tidak melanggar undang-undang. Manakala Akta Hiburan (Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur) 1992 (Akta 493) pula lebih berperanan sebagai akta pengawalan hiburan dan pelesenan hiburan serta tempat hiburan dan perkara serupa dengannya (Metro, 2020b). Selain Wilayah Persekutuan, peruntukan Akta 493 berkuatkuasa di setiap negeri-negeri. Sebagai contoh pemakaian Enakmen Kawalan Hiburan dan Tempat-tempat Hiburan di Kelantan dan di Selangor kerap

kali membuat penangkapan ke atas pemilik tempat hiburan berlesen yang akibat menganjurkan hiburan yang melibatkan golongan LGBT yang diklasifikasikan aktiviti haram yang boleh membawa kepada keruntuhan moral. Maka kegagalan dalam mematuhi seksyen ini disabitkan kesalahan, denda yang tidak kurang daripada RM10,000 ataupun dipenjarakan dalam tempoh tidak lebih 5 tahun atau kedua-duanya sekali.

Peranan Majikan dan Warga Kerja

Selain dari itu peranan warga kerja mampu menangani isu kecelaruan identiti dalam konteks aspek sosioekonomi dengan mewujudkan garis panduan yang ketat berhubung pengambilan pekerja dari golongan LGBT. Majikan berperanan dalam memastikan penularan gaya hidup golongan LGBT tidak menjadi budaya yang memsongkan integriti organisasi. Lambakan pengambilan golongan LGBT dalam sektor pekerjaan yang tertentu seperti perhotelan, pelancongan dan hiburan memberikan gambaran kurang sihat tentang keutuhan reputasi industri dalam mencerminkan negara yang disegani dunia. Mengambil iktibar dari negara jiran seperti Thailand yang mendapat stigma disebabkan oleh sektor pelancongan menggalakan pelancong datang di atas alasan perniagaan pelacuran terutamanya dari golongan Mak Nyah. Manakala bagi negara Barat yang tidak membataskan larangan perniagaan pelacuran dari kalangan LGBT telah mengundang pelbagai masalah keruntuhan akhlak rakyat negara mereka. Malahan pengambilan pekerja dari kalangan transgender dijadikan sebagai keperluan bagi membantu pembangunan sosioekonomi negara mereka telah menyaksikan ketamadunan manusia mengalami kemunduran sahsiah diri manusia sejagat.

Golongan pekerja LGBT berani memperjuangkan hak mereka berdasarkan penerimaan majikan yang memperakui pemikiran liberal. Golongan LGBT dikategorikan sebagai individu yang mempunyai masalah psikologi di mana kecelaruan identiti meletakkan mereka sebagai individu yang menghadapi masalah kesihatan mental (Nor Hafizah & Norsaleha, 2016). Natijahnya apabila diberikan peluang untuk memperjuangkan ideologi diri maka masyarakat secara tidak langsung telah mengiktirafkan perbuatan songsang berkenaan, lantas berhadapan dengan implikasi negatif keruntuhan akhlak masyarakat. Lebih dikesali apabila terdapat organisasi yang membenarkan pekerja LGBT menubuhkan persatuan yang memperjuangkan hak asasi manusia sebagai perlindungan diri dari diskriminasi orientasi seksual di tempat kerja. Malahan seringkali didengar golongan pekerja LGBT menganjurkan piket dan tunjuk perasaan menggunakan platform pekerja sesebuah organisasi. Membandingkan Malaysia dengan negara-negara lain, Akta Perhimpunan Aman 2012 (Akta 736) memberi hak sepenuhnya kepada kerajaan untuk membentaras perhimpunan menuntut hak atas dasar diskriminasi LGBT. Himpunan Seksualiti Merdeka pada 1-13 November 2011 melibatkan 20 pertubuhan bukan kerajaan (NGO) bagi menuntut pengiktirafan pengamal seks songsang (Sinar Harian, 2021). Seksyen 15 (2)(f) mempunyai kuasa mengenakan sebarang sekatan ke atas perhimpunan yang berupaya menggugat sensitiviti budaya dan agama, dan kesejahteraan umum (Mohd Izzat Amsyar *et al.*, 2018). Tambahan lagi, pihak berkuasa berhak menangkap peserta mahupun penganjur melalui Seksyen 15 melalui Seksyen 20(1)(a). Justeru itu, peruntukan perundangan boleh digunapakai bagi memberi amaran kepada majikan yang mempunyai kakitangan dari golongan LGBT mahupun pekerja LGBT untuk tidak menggunakan organisasi sebagai medium memperjuangkan hak asasi mereka.

(iii) Lingkungan Pengaruh Pergaulan Rakan Sebaya Sejenis

Remaja diklasifikasikan sebagai individu berumur antara 11-18 tahun yang mengalami perubahan fizikal dan proses perkembangan berfikiran matang (Azizi, 2017). Kajian mendapati kecenderungan bergejala LGBT bermula sekitar 12-15 tahun, populasi besar datangnya dari pelajar asrama di mana dikatakan usia belum matang yang tidak dapat membezakan jenis sentuhan atas diri sendiri (Fadzilah & Noremy, 2019). Dalam konteks ini, persekitaran sosial merujuk pergaulan bebas rakan sesama jantina mendorong perasaan suka jantina yang sama, atau kecenderungan memiliki jantina berlainan dari jantina asal. Manakala rakan sebaya merupakan individu rapat selepas keluarga, membawa pengaruh signifikan, ikutan dan hasrat mencuba perkara baru bersama-sama di mana ianya membawa keruntuhan moral,

Pengaruh Rakan Sejenis

Pengaruh rakan sejenis difahami sebagai pengaruh personaliti serupa dari segi minat dan pemikiran (Noremy, Fadzilah & Mohammad Rahim, 2019). Remaja bersifat sensitif, mudah terpengaruh dan berkeinginan tinggi mencuba perkara baru. Keterlibatan remaja ke lembah LGBT akibat dari pengaruh rakan sebaya boleh bermula dari sekolah rendah sehinggalah ke peringkat universiti. Ini menjelaskan dari segi psikologi rangkaian pengaruh rakan sejenis menyumbang kepada perkembangan peranan jantina seseorang individu. Kepincangan dalam memupuk skil sosial meletakkan pemilihan untuk bergaul di luar dari lingkaran rakan sejenis secara tidak langsung menjarakkan mereka dari mendekati rakan sebaya yang normal. Sikap memberontak yang merupakan fasa biasa bagi kebanyakan golongan muda merupakan isu serius bagi remaja LGBT yang mempunyai masalah kecelaruan gender. Ini ditambah dengan tohmahan masyarakat memperlekehkan golongan berkenaan dengan melontarkan pandangan skeptikal tambah menyukarkan mereka untuk mencari tempat mengadu di atas dilema kecelaruan identiti gender. Keterpinggiran dalam usia rapuh serta merasakan bahawa adalah lebih mudah untuk berkomunikasi dengan kelompok rakan yang memahami naluri telah menyemarakkan perasaan homoseksual untuk melakukan seks luar tabii (Fadzilah & Noremy, 2019). Malahan terdapat segelintir remaja yang mengambil tindakan berani dan drastik menjalani pembedahan transgender atau mengambil pil hormon bagi mengubah fizikal kepada jantina yang dimahukan tanpa mengenyepikan risiko kesihatan dengan bantuan rakan sejenis yang lebih berpengalaman.

Impak Media Sosial dan Media Massa

Teknologi media sosial digunakan sebagai alternatif utama golongan LGBT menyebarkan luas agenda perjuangan serta diterima masyarakat dalam dan luar negara. Statistik menunjukkan kaum Melayu mengambil 19 peratus jenayah perkaitan media sosial melibatkan isu LGBT. Sementara 70 peratus lagi terdiri dari kaum Cina. Media sosial berfungsi besar mempengaruhi pemikiran remaja terutama melalui pelbagai aplikasi seperti Facebook, Twitter dan Instagram yang mendedahkan content budaya seks songsang terutama dari negara Barat (Muhamad Ariffudin, Muhammad Azizi & Kamarul Azmi, 2019). Faktor globalisasi dan media massa dikatakan penyumbang kepada kecelaruan identiti di mana kehadiran teknologi canggih bukan sahaja membuka peluang bagi pembedahan plastik seperti menukar alat kelamin, payudara dan rupa bentuk diri secara keseluruhan. Akses kepada informasi terkini menjadikan keinginan mengubah rias diri yang dulunya tidak dapat dilakukan tetapi pada hari ini boleh menjadi kenyataan dengan adanya sumber kewangan yang mencukupi (Mohamad Afandi & Mohd Sabree, 2019). Golongan LGBT yang mengutilasikan platform media untuk melariskan produk kecantikan menggunakan testimonial diri sendiri yang berjaya merubah penampilan

secara total. Berjaya sebagai usahawan jutawan kosmetik hasil dari penjualan kosmetik telah menjadikan *influencer* Safiey Illyas dan Sajat menjadi idola ribuan remaja yang tidak memahami maksud sebenar kehidupan sonsang golongan LGBT. Fenomena usahawan LGBT berjaya yang viral di media sosial telah menarik minat rakan sejenis yang lain untuk berjaya seperti mana idola mereka. Unsur pengaruh lingkungan rakan sebaya dari latar belakang orientasi seksual yang sama ternyata memberi impak yang lebih besar berbanding dari usahawan lain.

Kebertanggungjawaban Pihak Sekolah

Peranan pihak sekolah berhubung isu kecelaruan gender dalam kalangan remaja memberi perbezaan ketara terhadap pemantauan gejala sosial LGBT. Perkhidmatan kaunseling sekolah berfungsi menyediakan perkhidmatan nasihat secara berhemah yang menasaskan penyelesaian secara berperingkat ke atas golongan pelajar yang berkecenderungan mempunyai masalah kecelaruan identiti gender. Latihan dan pembangunan kepada para guru berhubung dengan potensi penularan pengaruh amalan kehidupan songsang ini diwajibkan di peringkat sekolah rendah dan sekolah menengah (Goldman & Coleman, 2013). Para guru sentiasa dinasihatkan untuk memberi tauladan yang baik dengan tidak memperlihatkan tingkah laku yang boleh memberikan implikasi buruk kepada pelajar. Pihak sekolah diarahkan untuk melaporkan salah laku guru yang terlibat dalam penularan budaya LGBT. Pemecatan ke atas guru yang terlibat berpunca dari sikap guru yang tidak meletakkan batasan hubungan dengan pelajar dengan sikap terbuka melampaui batas profesionalisme pendidik (Goldman & Coleman, 2013).

Akta Kesalahan-Kesalahan Seksual Terhadap Kanak-Kanak 2017 digubal bagi membanteras jenayah seksual kanak-kanak bagi melindungi kebajikan kanak-kanak Malaysia yang lazimnya meliputi penderaan seksual kanak-kanak seperti liwat, rogol, bunuh dan penderaan (Norazla & Mohd Farok, 2018). Kerajaan mengekang jenayah kanak-kanak dengan meletakkan kesalahan seksual seperti Pornografi Kanak-Kanak (Bahagian II), Pengantunan Kanak-Kanak atau Child Sexual Grooming (Bahagian III) dan Kesalahan Amang Seksual secara fizikal ataupun bukan secara fizikal (Bahagian IV) (Norazla dan Mohd Farok, 2018). Akta berkenaan berkait rapat isu LGBT di mana majoriti kes jenayah seksual kanak-kanak Malaysia dilakukan oleh golongan LGBT. Penggubalan Akta Kesalahan-Kesalahan Seksual Terhadap Kanak-Kanak 2017 digubal bagi menangani jenayah seksual kanak-kanak yang melibatkan kes liwat guru dan lima pelajar memaksa melakukan seks luar tabii (Berita Harian, 2019). Melalui penggubalan akta ini, hukuman yang diberikan tidak bersifat pilihan di mana pelanggaran undang-undang menerima hukuman penjara maksimum 30 tahun, denda sebanyak RM20,000 serta sebatan minimum enam kali (Norazla & Mohd Farok, 2018).

(iv) Disorientasi Pengalaman Hidup dan Kesejahteraan Kesihatan Mental serta Fizikal

Disorientasi pengalaman hidup mempunyai kelangsungan dengan perasaan dendam tragedi hitam masa lampau yang mengakibatkan konflik diri. Antara faktor yang sering dikaitkan dengan trauma golongan LGBT merujuk kepada penderaan seksual, didikan keluarga yang terpesong dari landasan hukum agama dan hubungan percintaan yang diakhiri dengan pengalaman pahit. Trauma yang tidak mendapat rawatan dan dibiarkan berlanjutan mengundang perilaku fizikal ganas ataupun gangguan kesihatan mental serius (Amran & Surianti, 2013). Ini berpunca dari ketidakupayaan dari segi emosi untuk mendapatkan sistem sokongan yang betul bagi berkongsi perasaan dan mendapatkan rawatan professional

menyemarakkan dendam, memberontak dan diakhiri dengan perubahan gaya hidup songsang (Amran & Surianti, 2013). Manakala kanak-kanak yang diasuh oleh pasangan LGBT selalunya mengikuti jejak langkah dengan orientasi seksual yang sama. Perkara serupa berlaku kepada kanak-kanak yang diabaikan, kurang kasih sayang dan didikan agama mudah terjebak dengan amalan seksual songsang kerana tiada bimbingan dan pemantauan yang betul dari orang dewasa.

Isu musahaqah pula merupakan isu perundangan terkini di Malaysia yang mendapat liputan meluas di mana merujuk perhubungan seks antara dua individu wanita. Seksyen 26, Akta Kesalahan Jenayah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1997 digubal bagi memperuntukkan hukuman bagi pesalah hukuman penjara tidak lebih daripada tiga tahun, denda wang ringgit tidak melebihi RM5000 atau sebatan tidak melebihi enam kali ataupun mana-mana kombinasi hukuman yang telah dimaktubkan (Arif, Shafie, Hanapi & Hassan, 2018). Senario yang sering berlaku apabila wanita yang kerap mengalami putus cinta akibat penderaan fizikal pasangan lelaki beralih ke pasangan sejenis bagi mengelakkan trauma masa lampau di mana perasaan tertarik berpunca mahukan layanan lebih baik dan memahami jiwa pasangan sejenis. Kealpaan ibu bapa dengan kesibukan kerjaya, namun dalam masa yang sama orang tua masih mengawal pergerakan anak perempuan daripada mempunyai hubungan dengan teman lelaki telah mengundang perbuatan homoseksual dalam kalangan remaja perempuan. Pergaulan dengan rakan sebaya dari jantina yang sama tidak memberi kerisauan pada segelintir ibu bapa dengan persepsi tidak melanggar hukum syarak agama. Pandangan sedemikian adalah salah kerana ianya mengeliminasi fenomena hubungan sejenis yang sebenarnya menular dalam kalangan remaja sesama jantina. Kenaifan dalam kehidupan remaja meletakkan tanggungjawab lebih besar kepada ibu bapa untuk sentiasa peka terhadap perubahan tingkahlaku anak-anak mereka bagi mengelakkan isu seperti musahaqah berlaku (Azizi, 2017).

Faktor psikologi dikenali sebagai pendorong kepada keterlibatan generasi muda terjebak dalam kancan amalan seksual luar tabii di mana orientasi seksual yang berdasarkan trauma dianggap merbahaya kepada keselamatan fizikal dan mental individu berkenaan. Tindak balas emosi berikut dikatakan kesan psikologi sains minda dan tingkah laku di bawah pengaruh sedar dan di bawah sedar yang mengakibatkan penyakit mental. Masalah kesihatan yang tidak boleh dijangka dan dapat dilihat oleh mata kasar menjadi lebih sukar untuk didiagnos kecuali penderita tampil ke hadapan untuk mendapatkan rawatan. Pemesongan orientasi seks bersifat peribadi dan sukar dikongsi oleh semua orang terutama apabila melibatkan stigma umum berhubung ketagihan yang melanggar etika agama dan fitrah semulajadi. Kesan ketara yang dapat dilihat hanyalah apabila individu LGBT mempunyai keyakinan diri untuk menolak tohmahan orang sekeliling ataupun berhadapan dengan masalah kritikal seperti masalah kesihatan yang melibatkan nyawa. Perkara tersebut mengecewakan memandangkan 42% populasi negara ini adalah belia yang disandarkan sebagai barisan pemimpin hadapan negara bagi membangunkan sosioekonomi dan politik negara.

Penularan *Human Immunodeficiency Virus (HIV)* semakin membarah dalam kalangan remaja apabila laporan yang dikeluarkan oleh Majlis AIDS Malaysia dan Yayasan AIDS Malaysia memperlihatkan peningkatan bilangan penghidap HIV datangnya dari generasi muda (Astro Awani, 2019a). Statistik sekali lagi memperlihatkan penyumbang terbesar jangkitan HIV datang dari kelompok heteroseksual iaitu 42 peratus, diikuti dengan kelompok biseksual dan

homoseksual sebanyak 36 peratus (Mohamad Hafifi, Nor Hazlina & Izzal Asnira, 2018). Ini disumbangkan dengan kegiatan pelacuran dalam kalangan LGBT yang mencanak naik akibat promosi melalui media sosial yang tidak mendapat pembenterasan ke atas pengiklanan perkhidmatan seks. Penularan informasi tidak terkawal di media sosial dan laman sesawang boleh menerima tindakan tegas daripada pihak berkuasa sekiranya masyarakat sama-sama berganding bahu bekerjasama memantau dan melaporkan kepada pihak berwajib.

Remaja yang terlibat dalam kancuh pemesongan seksualiti tidak menghiraukan nilai murni yang dipupuk oleh agama, bangsa dan negara yang selama ini melambangkan martabat dan keutuhan Malaysia di mata dunia. Majoriti dari penghidap HIV merupakan mereka yang terlibat dalam kegiatan tidak bermoral golongan LGBT dan risiko peningkatan masalah kesihatan dalam kalangan remaja membimbangkan umum (Mohamad Afandi & Mohd Sabree, 2019). kerana secara tidak langsung fenomena tersebut menjejaskan tahap kesihatan penduduk secara keseluruhan yang turut melibatkan kos pembiayaan kesihatan negara. Keruntuhan akhlak modal insan yang sepatutnya berada pada status kesihatan yang paling baik berdasarkan lingkungan usi kini menjadi bebanan negara. Kepentingan penularan penyakit seperti HIV dalam kalangan golongan LGBT mesti dipandang serius bagi mengelakkan pembaziran kewangan negara berlanjutan. Penyalahgunaan dadah dalam kalangan remaja yang terdedah dengan isu LGBT turut membawa kepada jenayah peras ugut, buli, rompakan dan pembunuhan di mana membawa keresahan masyarakat serta membabitkan keamanan negara.

Kes bunuh diri akibat tekanan sekeliling dan desakan hidup turut berada di tahap membimbangkan. Manakala dikhuatiri penularan penyakit kelamin yang merupakan penyakit tertinggi yang disumbangkan oleh golongan LGBT mencecah 86 peratus dari jumlah pesakit HIV yang didaftarkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (Mohamad Hafifi, Nor Hazlina & Izzal Asnira, 2018). Kegiatan pelacuran yang melibatkan penyakit kelamin berpunca dari mikro ororganisme berpotensi hidup dalam badan manusia dan disebarkan dengan mudah melalui cairan atau selaput kulit penghidap HIV. Justeru itu, Yayasan AIDS dan Majlis AIDS Malaysia dengan kerjasama pengamal perubatan dan pihak berwajib harus mempergiatkan kempen kesedaran berhubung bahaya penyakit HIV, pencegahan penularan virus dan risiko terutama dalam kalangan mereka yang terlibat dalam kancuh kehidupan pelacuran LGBT. Kesejahteraan kesihatan mental dan fizikal harus dititikberatkan terutama di negara membangun seperti Malaysia yang meletakkan sepenuh harapan kepada setiap individu rakyatnya menjalani kehidupan normal agar dapat menyumbang pembangunan sosioekonomi bagi manfaat kita semua.

(v) Kurang Penghayatan Agama dan Pemesongan Pegangan Hidup

Pandangan masyarakat beragama di negara-negara Barat berhubung isu LGBT memfokuskan penentuan moral seksualiti dan kesalahan batas-batas agama yang kebanyakan dilaporkan oleh gereja-gereja Kristian. Dalam konteks berkenaan, kecenderungan mereka adalah untuk merasionalkan kedudukan golongan yang mempunyai orientasi songsang sebagai isu peribadi, lantas menjadikannya sebahagian dari penghormatan dari pencabulan ke atas deklarasi Hak Asasi Manusia. Sebaliknya, agama Islam yang merupakan sebuah agama beradab menidakkan sekeras-kerasnya peri laku seks luar tabii sebagai perbuatan haram bagi penganut Islam, membawa keruntuhan moral dan pemesongan akidah, maka disabitkan dengan hukuman berlandaskan hukum undang-undang syariah. Golongan LGBT dilaknat oleh kemurkaan

Allah SWT seperti jelas dalam Al Quran berhubung kehancuran kaum Nabi Luth melalui Surah Al-Anbiyaa (Ayat 74 - 75), Surah Asy-Syu'ara (Ayat 160 - 175), Surah Hud (Ayat 77 - 83), Surah Al-Qamar (Ayat 33 - 39) dan Surah At-Tahrim (Ayat 10) (Hassan, 2016), Takrifan lesbian dalam kitab *fiqh* adalah *as-sahaq* atau *al-musahaqah* memberi bermaksud hubungan seksual antara sesama wanita. Manakala gay merujuk hubungan seksual sesama lelaki melibatkan *contrary sexual feeling*, *urning* atau *sexual inversion* yang merupakan perbuatan haram dan dilaknat oleh agama Islam. Rasulullah bersabda (Al-Baihaqi, 1994:233) (Hassan, 2016):

Dari Abi Musa Rasulullah bersabda: apabila ada lelaki mendatangi (berhubungan intim) dengan lelaki maka keduanya telah berzina, dan apabila wanita mendatangi wanita maka keduanya telah berzina. (HR. Al-Baihaqi)

Dalam memelihara keturunan manusia, kesucian nasabnya serta kelestarian hidup bermasyarakat, agama Islam mengharamkan penyimpangan seks di mana Islam mengharuskan individu yang membuat kesalahan seperti ini dijatuhkan hukuman bagi pelakunya. Sebagai agama bersifat syumul, Islam meletakkan syariat atas tujuan yang luhur ata suci, Matlamat luhur meliputi (*al muhafazhatu 'ala al 'aql*) iaitu pemeliharaan atas akal, (*al muhafazhatu 'ala al karamah*) iaitu pemeliharaan atas kemuliaan, (*al muhafazhatu 'ala an nafs*) iaitu pemeliharaan atas jiwa, (*al muhafazhatu 'ala al diin*) iaitu pemeliharaan atas agama dan (*al muhafazhatu 'ala al amn*) iaitu pemeliharaan atas ketenteraman atau keamanan (Hassan, 2016). Namun begitu, para ulama berselisih pandangan mengenai hukuman ke atas pelaku liwath. Antara hukuman boleh dijatuhkan merangkumi hukum bunuh kepada pelaku yang melakukannya (*fa'il*) mahupun pasangannya (*maf'ul bih*) bila kedua-duanya akil baligh iaitu dari 'Amr ibnu Abi 'Amr, dari Ibnu Abbas, Rasulullah SAW bersabda:

مَنْ وَجَدْتُمُوهُ يَعْمَلُ عَمَلِ قَوْمٍ لُوطٍ فَأَقْتُلُوا الْفَاعِلَ وَالْمَفْعُولَ بِهِ

“Barangsiapa yang kalian mendapati melakukan perbuatan kaum Luth (liwath), maka bunuhlah fa'il (pelaku) dan maf'ul bih (pasangan atau objek) nya.”

Hukuman rejam pula sebagaimana diriwayatkan oleh Al-Baihaqy dari Ali bahawasanya dia pernah merejam orang yang di tangkap atas kesalahan liwath. Berdasarkan dalil ini, Imam Syafie mengatakan maka pelaksanaan hukuman rejam dijatuhkan ke atas pelaku liwath sudah bernikah atau selain daripadanya. Hukuman rejam turut disokong Al-Baghawi, kemudiannya Abu Daud dalam kitab “Al-Hudud” Bab 28 dari Sa'id bin Jubair dan Mujahid dari Ibnu Abbas memperjelaskan bagi pelaku liwath belum bernikah dihukum rejam. Seterusnya hukuman dicambuk, mengikut pandangan yang dinyatakan oleh oleh Atha' bin Abi Rabbah Sa'id bin Musayyab, Qatadah, Hasan, Tsauri, Nakha'i, Auza'i, Imam Yahya dan Imam Syafie sebagai menyamai hukuman pelaku liwath. Apabila pelaku liwath individu yang muhshon, hukuman adalah direjam. Sekiranya bukan dalam golongan muhshon, maka hukuman dicambuk serta diasingkan (Hassan, 2016) Manakala hukuman *ta'zir*, sebagaimana Abu Hanifah melihat hukuman ke atas pelaku ini tidak wajar dilakukan secara fizikal (Hassan, 2016). Pendekatan penyuluhan yang berbentuk terapi psikologi dilaksanakan ke atas pelaku agar kembali ke pangkal jalan. Abu Hanifah mengeluarkan pandangan berhubung perlakuan homoseksual yang diklasifikasikan tidak jatuh ke dalam takrifan zina apabila secara perbandingan perzinaan dilakukan pada *vagina* dan tidak pada dubur (sebagaimana perlakuan gay). Para pelaku lesbian, hukuman adalah *ta'zir*. Pandangan Al-Imam Malik *Rahimahullah*

terhadap wanita melakukan *sihaq* mendapat hukuman dicambuk seratus kali, namun sebahagian ulama berpendapat wanita yang mengerjakan *sihaq* ini tidak ada had baginya, hanya saja ia di-ta'zir (Hassan, 2016).

Akta Mahkamah Syariah (Bidang Kuasa Jenayah) 1965 (Akta 355)

Akta 355 singkatan bagi nama Akta Mahkamah Syariah (Bidang Kuasa Jenayah) 1965 digubal untuk keseragaman bidang kuasa mahkamah membicarakan kesalahan di bawah hukum Syarak serta berkaitan dengan undang-undang Negeri (Mohd Sabree, 2018). Akta 355 menyediakan garis panduan berhubung pelanggaran hukum syarak oleh umat Islam dalam tiga seksyen iaitu Seksyen 1 berhubung pemakaian akta ini di seluruh Malaysia, Seksyen 2 merujuk kesalahan rukun agama Islam dan Seksyen 3 berkaitan kesalahan di bawah hukum syarak berkuatkuasa dengan Negeri-negeri semenanjung Malaysia. Dalam konteks perbincangan isu LGBT, pindaan Akta 355 1965 diberikan melalui Perlembagaan Malaysia bidang kuasa sebagai kesalahan jenayah umat Islam (i) membicara dan menghukum dengan hukuman penjara atau denda ke atas orang Islam sahaja, (ii) denda tidak melebihi RM 1000 sahaja atau (iii) 6 bulan penjara atau; (iv) gabungan kedua-duanya (denda dan penjara). Manakala Kanun Keseksaan (Akta 574) mengklasifikasikan kesalahan jenayah seks luar tabie dikuatkuasakan mengikut Seksyen 377A, 377B, 377C dan 377D Akta 574. Seksyen 377B bersabit penjara maksimum 20 tahun termasuk sebatan ke atas pelaku mengerjakan hubungan seks yang di luar tabie secara sukarela. Manakala bagi Seksyen 377C bersabit dipenjarakan tidak kurang lima tahun dan tidak lebih 20 tahun termasuk dikenakan sebatan bagi kesalahan melakukan persetubuhan berlawanan dengan aturan tabii tanpa kerelaan.

Memartabatkan Agama dan Kontroversi Isu LGBT ke Tanah Suci

Tanah Suci bagi umat Islam adalah Kota Mekah dan Kota Madinah yang merupakan tempat beribadat orang beragama Islam di mana seruan untuk menunaikan Rukun Islam ke-5 dengan mengerjakan Haji dan Umrah sekali seumur hidup sekiranya berkemampuan menjadi tanggungjawab. Natiyah mengunjungi Kota Mekah dan Kota Madinah adalah membawa niat beribadat dan menziarahi lokasi bersejarah ketamadunan Islam dengan mengambil iktibar perjuangan para Nabi serta sahabat-sahabat baginda. Merujuk isu kontroversi yang mempalitkan Malaysia apabila insiden usahawan kosmetik Muhammad Sajad Kamaruzzaman dari Negeri Perak memuat turun status-status dalam media sosial dan video ketika beliau berada di Tanah Suci Kota Mekah dengan mengenakan telekung telah tersebar luas dan mengundang kemarahan masyarakat Islam (Sinar Harian, 2020). Hakikatnya visa yang diberikan kepada Muhammad Sajad Kamaruzzaman apabila beliau mendaftarkan identiti diri sebagai seorang lelaki dikeluarkan oleh Persatuan Agensi Pelancongan Umrah dan Haji Malaysia (PAPUH), secara tidak langsung menafikan semua kenyataan pelaku sebagai seorang wanita (Metro, 2020c). Perbuatan Muhammad Sajad Kamaruzzaman memakai telekung serta berpakaian menyerupai perempuan malahan beribadat di tempat solat jemaah wanita dianggap perbuatan serius dengan niat untuk mempermainkan agama dan mencabar undang-undang di Tanah Suci Kota Mekah di negara Arab. Malahan tindakan berkenaan telah menjejaskan reputasi Malaysia dalam dunia Islam apabila Kerajaan Arab Saudi mengeluarkan kebimbangan berhubung integriti Malaysia yang melibatkan kelulusan visa ke Tanah Suci (Sinar Harian, 2020).

Secara perbandingan media mengimbas kembali kisah Abdul Jalil Bin Salleh (Mama Juwie), seorang wartawan Mak Nyah Malaysia terkenal dengan sifat lembut dan rendah diri. Berbeza

dengan pendekatan Muhammad Sajad Kamaruzzaman, Mama Juwie mengerjakan haji di Tanah Suci Mekah dengan mengikuti hukum hakam sebagai seorang lelaki dan bukan bertujuan untuk mempertontonkan kepada umum (Gempak, 2020). Rentetan dari itu membuka mata umat Islam di Malaysia mengenai kepentingan memartabatkan agama dari dicemari oleh pelanggaran hukum agama tanpa mengira orientasi gaya kehidupan kita. Dalam keterujaan kita mengangkat hak asasi, hak bersuara dan hidup bermaruah telah mengakibatkan kita alpa tentang tanggungjawab untuk berjihad menegakkan kebenaran hak agama. Seperti yang disarankan oleh Datuk Seri Dr Zulkifli Mohamad Al-Bakti iaitu Menteri di Jabatan Perdana Menteri Bahagian Hal Ehwal Agama berhubung tindakan kerajaan meminda Akta 355 bagi mengangkat martabat agama Islam dari budaya songsang. Justifikasi tersebut mengambilkira ianya bertentangan dengan amalan mana-mana agama malahan bercanggah dari fitrah manusia. Kenyataan Datuk Dr Luqman Abdullah, Mufti Wilayah Persekutuan menegaskan jika tindakan tegas tidak diambil maka masyarakat terutama generasi muda beranggapan perbuatan menghina dan mencabar agama sebagai perbuatan normal, lantas menyeru supaya masyarakat lebih berhati-hati dan menghormati agama Islam dengan patut perintah Allah dan meninggalkan perkara mendatangkan kemurkaan Allah SWT.

Intervensi Psikospiritual Islam

Intervensi Psikospiritual Islam difahami sebagai ilmu mengenai konsep, kaedah pengabdian dan penyerahan diri kepada Allah SWT. Pendekatan rawatan penyakit jiwa atau kerohanian berlandaskan ajaran Islam mampu menstabilkan diri, jiwa dan roh dengan membimbing golongan LGBT kembali kepada fitrah asal secara mendalam dan menghayati kerohanian agama. Imam Al-Ghazali menekankan bimbingan spiritual merupakan suatu proses peralihan dari pembersihan jiwa kotor dan tercemar dengan dosa dengan melibatkan akal, jiwa atau nafsu, hati atau jantung dan roh (Zuraidah, Che Zarrina & Lee Wei, 2018). Konsep '*Street Dakwah*' merupakan inisiatif proaktif institusi keagamaan mendekati golongan LGBT terutama mereka yang bergelumang dengan aktiviti pelacuran jalanan dengan menggunakan medium psikoterapis syarie di mana pendakwah untuk mendekati mereka dengan penuh berhikmah. Perbincangan dengan pakar psikoterapis mendiagnosis kelemahan dan kekuatan diri bagi meneliti diri dan melihat punca keterlibatan diri dalam kegiatan LGBT. Melatih dan mengaplikasikan sifat sabar, serta menekan hawa nafsu melakukan ketagihan seks luar tabii hanya berupaya dipupuk dengan cara memotivasikan diri sendiri, beramal soleh dan beribadah. Proses menghayati sifat *khawf* iaitu rasa takut melakukan sesuatu yang diharamkan dan rasa takut itu haruslah dipupuk dalam diri semoga pelaku LGBT berubah kepada fitrah asal. Melaksanakan solat taubat memohon keampunan daripada Pencipta dan memohon maaf dari ibu bapa atas perlakuan menyalahi hukum syarak serta memaafkan diri sendiri boleh menenangkan hati. Seterusnya, belajar menghayati sikap raja iaitu mengawal kuasa diri dan semangat juang berubah kepada fitrah asal mereka. Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) dengan sokongan padu Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM) dan Majlis Belia Malaysia (MBM) telah mempelopori program '*Al-Mukhayyam/Mukhayyah*' membantu memulihkan generasi muda LGBT melalui pendekatan agama dan kesihatan mental (Zuraidah & Che Zarrina 2018). Menerusi program ini bimbingan kaunseling disasarkan kepada belia dalam usaha membantu membawa mereka pulang ke pangkal jalan.

Bicara Penutup

Makalah ini merungkai fenomena kecelaruan identiti gender yang membicarakan dilema dan pergolakan golongan LGBT yang dilihat semakin taksud memperjuangkan pengiktirafan diri di atas tiket hak asasi manusia. Malaysia jelas terkesan dengan kewujudan fahaman liberalisme dibawa masuk dari Barat, terutama apabila isu-isu yang diketengahkan menyalahi tuntutan agama, fitrah manusia serta elemen falsafah budaya masyarakat Malaysia. Undang undang sivil merangkumi undang undang awam, antarabangsa serta persendirian. Manakala peruntukan bagi kesalahan LGBT di bawah undang undang awam berfungsi mengawalselia hubungan individu mahupun negara dalam konteks undang undang perlembagaan, jenayah dan industri. Secara umumnya, badan legislatif tidak mengkhususkan peruntukan kesalahan melibatkan perlakuan LGBT. Walaubagaimanapun isu-isu kontroversi yang diketengahkan oleh golongan LGBT dipengaruhi kuat fahaman liberalisme Barat yang berpendirian mengenyahkan persoalan agama demi menonjolkan hak asasi kemanusiaan (Berita Harian. (2017). Antara negara yang menyokong pergerakan perjuangan LGBT seperti Amerika Syarikat, Kanada, Norway, Finland, Belgium, Denmark, United Kingdom, Finland, Belgium, Sepanyol, Belanda, Malta dan Portugal. Negara-negara berkenaan memberikan hak istimewa perkahwinan sejenis dan menyokong Pengisytiharan Hak Asasi Manusia Sejagat (UDHR) (Bonny Ibhawoh, 2014). Justeru itu golongan LGBT di Malaysia terbelenggu dengan penguatkuasaan perundangan yang menyekat aktiviti yang mengundang keruntuhan akhlak generasi muda, mereka mula mencetuskan isu sensasi yang menarik perhatian dalam dan luar negara.

Usul golongan LGBT untuk memansuhkan Seksyen 377A-D Kanun Keseksaan (Akta 574) bersabit pengharaman liwat dan seks songsang luar tabii adalah dikatakan bertindak di atas rasional kapasiti Hak Kebebasan, Hak Privasi dan Hak Pendaftaran Identiti Gender. Hak kebebasan dikaitkan dengan Bahagian (2) iaitu kebebasan asasi, namun isu yang diperjuangkan kerana ianya tidak memberikan jaminan pembelaan diri golongan LGBT di Malaysia. Mereka merujuk kepada Fasal (1) Perkara (3) Perlembagaan Persekutuan iaitu peruntukan perundangan yang mengangkat Islam sebagai agama rasmi bagi Persekutuan (dan dalam masa yang sama masih meletakkan agama bebas untuk dianuti dan diamalkan secara aman damai (Mohd Zuhdi, Ahmad Dahlan, Mohammad Zaini & Muhammad Adib, 2019). Walaupun Bahagian (2) Perkara 5(1), 8(2), 9(2), 10(1)(a) dan 10(2) Perlembagaan Persekutuan memberikan peruntukan kepada rakyat Malaysia terhadap kebebasan asasi, namun Perlembagaan Persekutuan menetapkan segala perbuatan atau keadaan yang dilakukan oleh individu Islam akan merujuk kepada mana-mana undang-undang berkaitan dengan syariat Islam (Mohd Zuhdi *et al.*, 2019). Justeru itu, dalam isu pemberian hak kebebasan diri di atas amalan seks luar tabii, hak asasi terhadap kedudukan mereka dalam Perlembagaan Persekutuan tidak dapat terpakai.

Bagi isu pencabulan Hak Privasi ditimbulkan dari rasa tidak puas hati di atas tangkapan melalui operasi serbuan pihak berkuasa terhadap pelaku lelaki berlagak perempuan, dengan memakai pakaian menjolok mata serta mengadakan hubungan songsang di tempat umum dan tertutup. Bersabit kesalahan Seksyen 14 Akta Kesalahan Kecil 1955 iaitu dengan cara berpakaian tidak sopan dan senonoh dengan memakai pakaian yang berlainan dari gender asal pelaku dikenakan denda wang tidak melebihi RM100 (Rahman, 2020). Seterusnya, Hak Pendaftaran Identiti Gender diperjuangkan oleh golongan *transgender* yang menuntut pertukaran status jantina pada kad pengenalan selepas menjalani proses "*sex reassignment*

surgery". Namun begitu, penukaran status jantina dalam MyKad bagi *transgender* bertentangan hukum syarak dan diharamkan pada 14 April 2005 oleh persidangan Majlis Fatwa Islam Malaysia (Muhammad Adam, Nur Syuhada & Khadher, 2020). Gabungan kolaborasi bersama pihak Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) berhubung pemantauan ketat cubaan penukaran status jantina bagi golongan *transgender* menimbulkan kemarahan dalam kalangan *transgender* yang menemui jalan buntu mengubah identiti diri mereka secara rasmi dari kata mata undang-undang.

Intihanya penafian golongan LGBT dalam komuniti masyarakat dilaksanakan melalui pengubalan undang-undang demi menyekat perlakuan bertentangan dengan ajaran agama terutama demi menjaga imej Malaysia yang mendukung Islam sebagai agama rasmi. Menyingkap ucapan mantan Perdana Menteri Tun Dr Mahathir Mohamad di Sidang Kemuncak Kuala Lumpur 2019, menegaskan elemen budaya, nilai dan ketamadunan bukan lagi dianggap teras pembangunan masyarakat yang disegani seperti abad terdahulu. Merujuk ungkapan 'keluarga' yang tidak lagi menggambarkan amanah tuhan kepada lelaki dan wanita dalam membina keluarga bahagia serta memelihara kelestarian keturunan dengan menggalas dedikasi tanggungjawab mendidik dan membesarkan anak-anak, Tun Dr Mahathir Mohamad menyarankan masyarakat Islam sedunia berpegang teguh dengan ajaran agama. Pesanan yang diselitkan berbunyi "*Dunia kita melalui perubahan besar. Sistem nilai kini telah amat terhakis di negara-negara barat di mana tiada apa-apa lagi yang dihormati*" tersirat ungkapan kekesalan terhadap perjuangan menegakkan hak LGBT yang semakin berleluasa bakal membawa kepada kehancuran tamadun kemanusiaan (Astro Awani, 2019b).

Penghargaan

Manuskrip ini dihasilkan berasaskan dana Geran Penyelidikan Penerbitan sumbangan Global Academic Excellence (GAE) (Kod Geran: TLS2105 dan TLS2110)

Rujukan

- Ahmad, M. I., Haikal Anuar Adnan, Abd Satar, J., Wan Shahrazad Wan Sulaiman, Wan Azreena, J., Zainal Abidin, J., & Wan Mohd Zan, W. M. S. (2015). Faktor dan Cara Gaya Hidup serta Kemungkinan Kembali Pulih dalam Kalangan Lesbian: Satu Kajian Kes. *Journal of Social Sciences and Humanities*, 10 (1):001-015.
- Amran Hassan, Fatimah Yusoff & Khadijah Alavi. (2013). Transeksualiti: Suatu Analisis daripada Perspektif Islam dan Perspektif Keluarga dalam Konteks Kesejahteraan Sosial. *Jurnal Perspektif*, 5(1): 39-52.
- Amran, H. & Suriati, G. (2013). Sexual Abuse and Childhood Traumatic Experience: A Case Study on The Psychological Health of Transsexuals in Malaysia. *International Journal of Environment, Society and Space*, 1(1): 33-42.
- Arif, M. I. A. M., Shafie, M. S., Hanapi, H., & Hassan, F. M. (2018). Salah Laku LGBT Dalam Perundangan Malaysia: Undang-undang Sebagai Mekanisme Pembanteras dan Kawalan. *Journal of Advanced Research in Social and Behavioural Sciences*, 13(1): 19-34.
- Astro Awani. (2021). Undang-undang Syariah Seks Luar Tabii Selangor Tidak Sah – Mahkamah Persekutuan. Diakses pada 30 Mei 2021, dari <https://www.astroawani.com/berita-malaysia/undangundang-syariah-seks-luar-tabii-selangor-tidak-sah-mahkamah-persekutuan-284667>.

- Astro Awani. (2019). 77% Pesakit HIV/AIDS Malaysia Berumur Antara 20-40 Tahun, Kebanyakannya Seks Tidak Selamat. Diakses pada 03 Jun 2021, dari <https://www.astroawani.com/berita-malaysia/77-pesakit-hiv-aids-malaysia-berumur-antara-2040-tahun-kebanyakannya-seks-tidak-selamat-224211>.
- Astro Awani. (2019b). Nilai Kekeluargaan Runtuh, Tun Mahathir Kritik Perkahwinan Sejenis. Diakses pada 08 Jun 2021, dari <https://www.astroawani.com/berita-malaysia/nilai-kekeluargaan-runtuh-tun-mahathir-kritik-perkahwinan-sejenis-223300>.
- Astro Awani. (2018). Jumlah Golongan Homoseksual, Transgender Meningkatkan Setiap Tahun – Jakim. Diakses pada 30 Mei 2021, dari <https://www.astroawani.com/berita-malaysia/jumlah-golongan-homoseksual-transgender-meningkat-setiap-tahun-jakim-189589>.
- Azizi Yahya. (2011). Definisi Remaja dan Pembentukan Konsep Kendiri Dalam Hubungannya Dengan Keluarga. Diakses pada 60 Jun 2021, dari http://eprints.utm.my/id/eprint/20096/1/PEMBENTUKAN_KONSEP_KENDIRI_PART_2.pdf
- Azman Ab Rahman, NorFatimah Amlin Ab Ghani, Mohammad Anwar Zakaria & Mursyid Junaidi Mohd Faisal Yeap. (2019). Program Pemulihan Lesbian, Gay, Biseksual dan Transgender (LGBT): Bahagian Pemulihan Riqab, Majlis Agama Islam Selangor (MAIS). *International Journal of Academic Research*, 6(2): 26-34.
- Badruzaman Bin Baharom. (2006). Persekitaran Keluarga dan Kesannya Terhadap Tingkah Laku Devian Remaja di Daerah Pontian Johor. *Fakulti Pendidikan. Universiti Teknologi Malaysia*.
- Berita Harian. (2021). Badan Perundangan Selangor Tiada Kuasa Hukum Seks Luar Tabii. Diakses pada 01 Jun 2021, dari <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2021/02/790025/undang-undang-selangor-benarkan-hukuman-seks-luar-tabii-tidak>.
- Berita Harian. (2019). Guru Liwat 5 Anak Murid. Diakses pada 06 Jun 2021, dari <https://www.bharian.com.my/berita/kes/2019/05/565735/guru-liwat-cabul-5-anak-murid>.
- Berita Harian. (2018). Bilangan Gay, Transgender Semakin Meningkatkan: JAKIM. Diakses pada 01 Jun 2021, dari <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2018/10/491972/bilangan-gay-transgender-semakin-meningkat-jakim>.
- Berita Harian. (2017). Menyanggah Fahaman Liberalism. Diakses pada 07 Jun 2021, dari <https://www.bharian.com.my/rencana/muka10/2017/08/308958/menyanggah-fahaman-liberalisme>.
- Bonny Ibhawoh (2014), Human Rights For Some: Universal Human Rights, Sexual Minorities, And The Exclusionary Impulse. 69(4):612-622
- .Donnelly Lynley. (2008). A Media Guide to the Children’s Act 38 of 2005. *Centre for Child Law; Media Monitoring Project*: 40.
- Fadzilah Binti Abdullah & Noremy Md Akhir. (2019). LGBT dalam Kalangan Mahasiswa di Institusi Pengajian Tinggi Awam. *Jurnal Wacana Sarjana*, 3(4): 1-11.
- Gempak. (2020). Walaupun Khunsa Di Makkah Dia Berusaha Kelihatan Lelaki- Wartawan Kongsi Kisah Mama Juwie. Diakses pada 01 Jun 2021, dari <https://gempak.com/berita-terkini/walaupun-khunsa-di-makkah-dia-berusaha-kelihatan-lelaki-wartawan-kongsi-kisah-mama-juwie-31818>.

- Goldman, J. G. D & S, J. Coleman (2013). Primary School Puberty/Sexuality Education: Student-Teachers' Past Learning, Present Professional Education, and Intention to Teach These Subjects. *Sex Education*, 13(3): 276-290.
- Hassan Zaini, (2016), LGBT dalam Persepektif Hukum Islam. *Jurnal Ilmiah Syariah. Fakultas Usuluddin dan Dakwah (IAIN)*. 15. No.1.
- Mahfudzah Mohamad. (2015). Lesbian, Gay, Biseksual dan Transgender: Perspektif Undang-Undang Jenayah Syariah. *19 JUUM*: 29-36.
- Metro. (2020a). Dia Muhammad Sajjad. Diakses pada 01 Jun 2021, dari <https://www.hmetro.com.my/utama/2020/02/541478/dia-muhammad-sajjad>.
- Metro. (2020b). Masih Ada Pusat Hiburan Tak Berlesen Berani Beroperasi. Diakses pada 01 Jun 2021, dari <https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2020/12/649884/masih-ada-pusat-hiburan-tak-berlesen-berani-beroperasi>.
- Metro. (2020c). Sajat Mengaku Lelaki Daftar Umrah - Agensi. Diakses pada 05 Jun 2021, dari <https://www.hmetro.com.my/utama/2020/02/541027/sajat-mengaku-lelaki-daftar-umrah-agensi>.
- Mohamad Afandi Md Ismail, Mohd Sabree Nasri, Muhamad Hasif Yahaya, Ikmal Hafiz Jamal, Muhammad Najib Abdul Wakil. (2020). Isu LGBT di Malaysia: Satu Tinjauan Terhadap Aspek Kajian. *NSLA e-Proceeding*, 3(1): 459-470.
- Mohamad Afandi Md Ismail & Mohd Sabree Nasri. (2019). Gejala LGBT Di Malaysia: Isu dan Cadangan Penyelesaian. *Journal of Law & Governance*, 2 (1): 51-65.
- Mohamad Hafifi Jamri, Nor Hazlina Hashim & Izzal Asnira Zolkepli. (2018). Stigma dan Diskriminasi Terhadap Orang yang Hidup Dengan HIV/AIDS (ODHA): Satu Pendekatan Tindakan Penyertaan Dalam Kalangan Belia di Pulau Pinang. *Journal of Communication*, 34(1): 55-74.
- Mohd Zuhdi Ahmad Khasasi, Ahmad Dahlan Salleh, Mohammad Zaini Yahaya, Muhammad Adib Samsudin. (2019). Kedudukan dan Implikasi Perkara 3(1) Perlembagaan Persekutuan Ke Arah Memartabatkan Kedaulatan Islam. *Journal of Contemporary Islamic Law*, 4(2): 34-45.
- Mohd Izzat Amsyar Mohd Arif, Muhammad Syahlan Shafie, Hisham Hanapi & Fareed Mohd Hassan. (2018). Salah Laku LGBT Dalam Perundangan Malaysia: Undang-Undang Sebagai Mekanisme Pembantaran dan Kawalan. *Journal of Advance Research in Social and Behaviour Sciences*, 13(1): 19-34.
- Mohd Sabree Nasri. (2018). Akta 355 Dan Perkembangan Bidang Kuasa Mahkamah Syariah Dalam Perkara Jenayah Di Malaysia. *Journal of Law & Governance*, 1(1): 77-90.
- Muhammad Adam Abd. Azid, Nur Syuhada Mohd Subri & Khadher Ahmad. (2020). Mak
Nyah dan Perkembangannya di Malaysia. *RABBANICA*, 1(1):19-34. Muhamad Ariffudin Azizan, Muhammad Azizi Kariya, Kamarul Azmi Jasmi. (2019). Media Sosial dan Penyebaran Budaya Transeksual Menurut Islam. *Pro-siding Seminar Sains Teknologi dan Manusia*: 297-312.
- Mstar. (2012). Jakim & SKMM Sentiasa Pantau Aktiviti LGBT Di Laman Media. Diakses pada 03 Jun 2021, dari <https://www.mstar.com.my/lokal/semasa/2012/03/12/jakim--skmm-sentiasa-pantau-aktiviti-lgbt-di-laman-media>.
- Neh Mah Batri, Farawahida Mohd Yusof, Siti Norlina Muhamad, Ahmad Muhyuddin Hassan Mohd Nasir Ripin & Zulkiflee Haron. (2016). Homoseksual: Antara Hukum dan Kemajuan Sains. *Sains Humanika*, 8(4): 45-54.
- Norazla Abdul Wahab & Mohd Farok Mat Nor. (2018). Akta Kesalahan-kesalahan Seksual

- Terhadap Kanak-Kanak 2017: Penambahbaikan Perundangan Berkaitan Jenayah Seksual Terhadap Kanak-kanak di Malaysia. *Journal of Muwafaqat*, 1(1): 37-55.
- Noremy Md Akhir, Fadzilah Abdullah & Mohammad Rahim Kamaluddin. (2019). Faktor Pengaruhi Mahasiswa Terlibat Dalam LGBT Di Institusi Pengajian Tinggi Awam Di Lembah Klang. *Perdana: International Journal of Academic Research*, 6(2): 50-62.
- Nor Hafizah & Norsaleha. (2016). Metodologi Dakwah Terhadap Golongan Lesbian, Gay, Bisexual dan Transgender (LGBT). *Jurnal Pengajian Islam*, 9:103-119.
- Rahman, A. A. (2020). Lesbian, Gay, Bisexual dan Transgender (LGBT) Menurut Perspektif. *Perdana: International Journal of Academic Research (Social Sciences & Humanities)*, 8 (1): 32-45.
- Sabahpost. (2019). Riz Ulala, Pondan Tercantik, di Malaysia? Lebih Cantik dari Sajat. Diakses pada 03 Jun 2021, dari <https://www.sabahpost.net/2019/09/03/riz-ulala-pondan-tercantik-di-malaysia-lebih-cantik-dari-sajat/>.
- Santrock, W. (2006). *Human Life Span*. New York : McGrahill Companies Inc. 10th Ed.
- Sinar Harian. (2021). Kembali kepada Fitrah, Diakses pada 05 Jun 2021, dari <https://www.sinarharian.com.my/article/137728/KOLUMNIS/Kembali-kepada-fitrah>.
- Sinar Harian. (2020). Kerajaan kesal Sajat bertelekung di Tanah Suci: Mujahid. Diakses pada 05 Jun 2021, dari <https://www.sinarharian.com.my/article/68532/BERITA/Nasional/Kerajaan-kesal-Sajat-bertelekung-di-Tanah-Suci-Mujahid>.
- Sinar Harian. (2019). Akta Hasutan Masih Relevan. Diakses pada 05 Jun 2021, dari <https://www.sinarharian.com.my/article/8564/KOLUMNIS/Akta-Hasutan-masih-relevan>.
- Su-Hie Ting, Audrea Johnson & Collin Jerome. (2021). Backgrounding of LGBT in Newspaper Coverage in Malaysia. *Asian Journal of Behavioural Sciences*, 3(2): 1-13.
- Vock, S, Stahn, C., Loenser, K. & Legenbauer, T. (2009). Eating and Body Image Disturbance in Male to-Female and Female-To Male Transsexuals. *Archives of Sexual Behavior*, 38: 364-377.
- Zuraidah Abdullah, Che Zarrina Sa'ari & Lee Wei Chang. (2018). Transgenderisme di Malaysia: Pelan Bimbingan Kembali Kepada Fitrah dari Perspektif Psikospiritual Islam. *Afkar* 20(2): 279-322.